

Tapak pelupusan Melaka kian 'tenat'?

Liana Sahabudin

BANDARAYA MELAKA

- Kepsatan pembangunan dan perkembangan ekonomi Melaka, antara faktor yang boleh memendekkan jangka hayat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang yang dijangka hanya mampu bertahan hingga Sept 2024.

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka Khairuladha Mutalib berkata, tidak menolak kemungkinan perkara itu akan berlaku sekiranya tiada jalan penyelesaian dilakukan lebih awal.

Beliau berkata, peningkatan jumlah sisa pepejal setiap tahun adalah sesuatu yang tidak dapat dielak berikutan akan berlakunya perkembangan sektor ekonomi dalam negeri.

"Lebih banyak aktiviti ekonomi, maka jumlah sisa pepejal yang dihasilkan juga akan turut meningkat.

"Seperti contoh, kita ambil data perbandingan peningkatan sampah dua tahun sebelum ini yang mana pada 2020 keseluruhan sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan sebanyak 335,196.26 tan dan jumlah

itu meningkat sebanyak 358,131.45 tan sampah pada 2021.

"Kalau kita lihat trend harian kedua-dua tahun ini, tahun 2020 purata harian sebanyak 918 tan sehari, manakala tahun 2021 sebanyak 981 tan sehari dan ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 63 tan sehari atau 6.4 peratus.

"Jadi pengurusan sisa pepejal yang baik amat perlu dalam usaha mengatasi masalah ini," katanya dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Khairuladha berkata, peningkatan sisa pepejal juga disumbangkan oleh peningkatan premis perniagaan, kilang dan pemilik bangunan yang melantik kontraktor sendiri bagi penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah.

"Kita ambil contoh hotel, pusat beli-belah dan restoran persendirian, mereka melantik kontraktor berlesen di bawah Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 untuk menguruskan sampah dan dihantar ke tapak pelupusan.

"Kontraktor ini akan menghantar sisa pepejal ke tapak pelupusan dan sebab



KHAIRULADHA menunjukkan keadaan semasa dan perancangan yang akan dilakukan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang. Foto: Iqmal Haqim Rosman

itulah ia menjadi antara faktor peningkatan sisa pepejal di negeri," katanya.

Sehubungan itu katanya, perancangan untuk membina Loji Sisa Tenaga (WTE) atau insinerator dilihat mampu menangani dan menampung peningkatan jumlah sisa pepejal di

negeri ini.

Beliau berkata, mengikut perancangan kemudahan pelupusan sampah mesra alam itu akan dibina di tapak seluas 3.84 hektar dan mampu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada hingga 80 tahun.

Khairuladha berkata, reka bentuk dan teknologi insinerator yang melupuskan sampah dengan cara pembakaran juga menjimatkan ruang di tapak pelupusan sampah kerana bahan akhir dilupuskan adalah abu sisa pepejal.

"Kalau di Melaka ini

kita sedia maklum bahawa tanah semakin terhad, jadi kerajaan negeri tidak bercadang untuk buka tapak pelupusan yang baharu.

"Insinerator ini bukan hanya menjimatkan ruang, malah sisa hasil pembakaran akan terurai dengan lebih cepat," katanya.